



RALAT KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dan mempunyai Kod Bidang pendaftaran yang dibenarkan seperti berikut untuk menyertai tawaran ini:-

| Ruj. Tender | Tajuk | Kod Bidang | Harga Dokumen | Taklimat Tender | Jenis Tender |
|-----------------------------|---|---|---------------|---|--------------|
| SEDIA/SDC/ CONS/TD/01/22 | Kajian Pembangunan Ekonomi Di Sempadan Sabah, Malaysia (<i>Sabah Border Economic Development Study</i>). | Berdaftar dengan Kementerian Kewangan: 340103 – Kajian Ekonomi | RM50 | Secara Fizikal / Telekonferens Zoom Tarikh: 21 Februari 2022 (Isnin) Masa: 10.00 am | Terbuka |

Tarikh Tutup Tawaran : 4 April 2022
(Isnin – Jam 12:00 Tengahari)

Tempat Dokumen Tender
diperolehi : Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah
Tingkat 26-28, Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah, Teluk Likas
88817 Kota Kinabalu, Sabah.

Taklimat Tender akan diadakan secara *hybrid* dimana pihak syarikat boleh memilih untuk menyertai Taklimat Tender secara fizikal atau secara Telekonferens Zoom. Sila buat pengesahan kehadiran Taklimat Tender untuk pendaftaran dan mendapatkan pautan Telekonferens Zoom selewat-lewatnya pada 18 Februari 2022 dengan menghubungi talian (Pn Maswin, 088 – 418999) atau email dkmaswin@sedia.com.my. Dokumen Tender boleh diperiksa dan diperolehi secara pembelian fizikal atau secara atas talian mulai 21 Februari 2022 pada waktu pejabat. Bayaran dokumen tender adalah seperti berikut:

1) PEMBELIAN SECARA FIZIKAL:

Dalam bentuk Wang Pos/Wang Kiriman Pos (Money Order)/Bank Draf yang ditulis atas nama
“SEDIA-Federal Fund Operation”; atau

2) PEMBELIAN SECARA ATAS TALIAN:

Bank Transfer ke nombor akaun SEDIA:-
SEDIA-FEDERAL OPERATIONAL FUND
Nama Bank: Kuwait Finance House (M) Berhad
No. Akaun: 009105000672

Wang Tunai/Cek tidak diterima. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Syarikat-syarikat atau wakil-wakilnya yang **SAH** sahaja dengan membawa **‘SURAT TAULIAH’** yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat. **SIJIL ASAL KEMENTERIAN KEWANGAN** hendaklah dikemukakan dan sila sediakan salinan sijil-sijil yang disahkan semasa hendak mendapatkan dokumen tender. Hanya penama di dalam Sijil Kementerian Kewangan sahaja yang boleh menghadiri Sesi Taklimat Tender. Syarikat hendaklah menghantar **SATU (1) ORANG** wakil sahaja untuk menghadiri Sesi Taklimat Tender dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam Sijil Kementerian Kewangan.

Syarikat / Wakil yang hadir untuk mendapatkan dokumen tender adalah terhad kepada **SATU (1) ORANG** serta hendaklah mengambil bacaan suhu dan mendaftar di Podium, mengamalkan penjarakan fizikal, memakai pelitup muka dan menggunakan *hand sanitizer* yang disediakan. Dokumen tawaran berserta Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke **Peti Tawaran Tender dan Sebut Harga Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah** dan dialamatkan kepada **SETIAUSAHA JAWATANKUASA PEMBUKAAN TENDER SEDIA, PODIUM MENARA TUN MUSTAPHA, YAYASAN SABAH HEADQUARTERS COMPLEX, LIKAS BAY, 88817 KOTA KINABALU, SABAH** pada atau sebelum jam **12:00 Tengahari** pada **4 April 2022 (Isnin)**.